



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA) MEMPELAWA
CALON-CALON YANG BERKELAYAKAN DAN MEMENUHI KRITERIA UNTUK
MEMOHON JAWATAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG UMPSA**

A. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Penasihat Undang-Undang/ Pegawai Undang-Undang
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: L13
Kaedah Pengisian	: Pertukaran Sementara/ Peminjaman/ Kontrak
Tempoh Lantikan	: Satu (1) hingga tiga (3) tahun perkhidmatan untuk setiap lantikan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti UMPSA
Gaji	: Gred L13 : RM 6,210.00 (Minimum) – RM 14,370.00 (Maksimum)
Imbuhan	: Imbuhan pada gred yang bersesuaian akan dipertimbangkan mengikut peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa

B. BIDANG TUGAS

Melaksanakan tugas sebagai Penasihat Undang-Undang seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Universiti Malaysia PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH dan Statut UMPSA (Penasihat Undang-Undang) 2023

C. KELAYAKAN ASAS

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang 56 tahun pada tarikh lantikan.
3. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan/ antarabangsa atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*).
4. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Mempunyai pengalaman luas dalam profesion undang-undang sekurang-kurangnya 15 tahun.

D. KELAYAKAN TAMBAHAN

1. Mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat Ijazah Sarjana Muda.
2. Mencapai sekurang-kurangnya Band 3 dalam *Malaysia University English Test* (MUET) atau peperiksaan setaraf dengannya (IELTS/TOEFL IBT/TOEFL PBT/CEFR).
3. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di gred L48/L12 dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang.
4. Memperolehi markah penilaian cemerlang 85% dan ke atas dalam Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir bagi pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam/ Badan Berkanun.
5. Berpengalaman memegang jawatan sebagai Penasihat Undang-Undang di mana-mana Universiti Awam, agensi Kerajaan atau swasta, *Government Link Company* (GLC), syarikat multinasional atau mana-mana syarikat terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Keutamaan adalah kalangan Pegawai yang pernah berkhidmat di universiti/agensi Kerajaan.

E. KRITERIA KHUSUS

1. Pakar Dalam Aspek Undang-Undang

- a. Berkemampuan dalam memberikan nasihat yang betul, tepat dan signifikan secara bertulis atau lisan kepada pihak Pengurusan Universiti dan jabatan-jabatan mengenai apa-apa kepakaran yang berkaitan dengan undang-undang, melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujukkan atau ditugaskan kepadanya dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

- b. Berkepakanan dalam menggubal/meminda undang-undang utama dan subsidiari termasuk peraturan-peraturan yang sedang dan akan diguna pakai oleh pihak Universiti.
- c. Cekap dalam memastikan dan menyemak segala dokumen perjanjian dan dokumen yang mempunyai kesan di sisi undang-undang untuk ditandatangani oleh pihak Universiti.
- d. Menjadi perantara yang bijaksana bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidang kuasa dan kawalan Penasihat Undang-Undang dan memfailkan tindakan bagi pihak Universiti sebagai yang menuntut; dan sebagai perantara yang bijaksana bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidang kuasa dan kawalan Penasihat Undang-Undang dan tindakan di mahkamah apabila pihak Universiti dituntut.

2. Kecemerlangan Pengurusan

a) Berorientasi Pencapaian

Mempunyai komitmen yang tinggi ke arah peningkatan hasil kerja keseluruhan melalui kecekapan dalam mengurus dan mengelola sumber-sumber yang diperuntukkan dengan berkesan bagi mencapai matlamat dan objektif organisasi.

b) Pengurusan Kakitangan

Berkebolehan menambah baik strategi sumber manusia untuk membangunkan kapasiti tenaga kerja dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang dan menyediakan hala tuju yang jelas untuk mencapai jangkaan.

c) Pengurusan Kewangan

Mengurus sumber kewangan dengan telus dan mencapai nilai untuk wang dan hasil yang optimum (*Value for Money*).

d) Pengurusan Perubahan dan Risiko

Berusaha menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada. Berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.

3. Pemikiran Strategik

- a) Berkebolehan mengenal pasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah yang berkaitan dengan perundangan serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan.
- b) Berkebolehan melihat situasi daripada pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu daripada perspektif yang luas dan menyeluruh.

4. Kepimpinan Berteraskan Nilai dan Etika

- a) Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.
- b) Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.
- c) Membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.

F. FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Tertakluk kepada Akta, Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, Penasihat Undang-Undang hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut:

- a. Menjadi Ketua Jabatan Perundangan Universiti;
- b. Bertanggungjawab menguruskan hal perundangan Universiti yang berkaitan dengan penasihat dan penggubalan perundangan termasuk yang berkaitan dengan Akta, Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan Universiti;
- c. Bertanggungjawab dalam segala hal yang berkaitan dengan penasihat guaman dan penggubalan, litigasi, tata tertib, governan, polisi, pecah kontrak, integriti, kecuaian perubatan, harta intelek dan segala perkara perundangan lain yang berkaitan bagi memastikan kepentingan Universiti terpelihara;
- d. Bertanggungjawab menasihati Universiti mengenai segala aspek perundangan dan guaman, hak, liability, tanggung rugi dan kes-kes Universiti di Mahkamah;
- e. Bertanggungjawab menyelaras, mengawal, memantau dan melaksanakan semua perkara perundangan dan governan Universiti;
- f. Bertanggungjawab melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugas yang diberikan kepadanya oleh Akta, Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan dan;
- g. Menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

G. CARA MEMOHON

Individu yang berminat untuk mengisi jawatan ini hendaklah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti berikut:

1. Borang Permohonan.
2. *Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap dan terkini mengandungi maklumat berikut:
 - a. Latar Belakang Diri
 - b. Latar Belakang Pendidikan
 - c. Pengalaman Kerjaya
 - d. Dokumen Sokongan Yang Berkaitan

3. Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik ke jawatan Pendaftar dalam bentuk slaid pembentangan yang ringkas dan padat (dalam format PDF; maksimum 5 muka surat). Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi ini hendaklah disediakan dengan berpandukan kepada skop tugas yang telah diperincikan berdasarkan kompetensi dan keperluan jawatan.
4. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pengurus Besar

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

26600 Pekan, Pahang

e-mel: upo.hr@umpsa.edu.my

Tarikh Tutup Permohonan : 28 Februari 2025 (Jumaat)

5. Permohonan yang tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.
6. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil bagi sesi temu bual.
7. Segala perbelanjaan berhubung dengan urusan permohonan/temu bual bagi jawatan ini tidak ditanggung oleh UMPSA.